

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 MARCH 2017

Jika pakatan harapan memerintah negara selepas PRU-14

# Kit Siang akan tentukan siapa PM

Ulm - 5/3/2017

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**  
rodelio.taucan@utusan.com.my

## ■ SIPITANG 4 MAC

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menyifatkan kesepakatan pembangkang di negara ini seperti pakatan ali baba kerana tidak mempunyai persefahaman untuk memilih siapa bakal Perdana Menteri jika mereka mendapat kuasa.

Menurut Perdana Menteri, situasi pelik itu akan berlaku kerana Lim Kit Siang selaku Timbalan Perdana Menteri berkuasa sepenuhnya untuk melantik Perdana Menteri.

Ini kerana, kata beliau, dalam pakatan sulit yang dikatakan wujud antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Kit Siang, Penasihat DAP itu terlebih dahulu dipilih untuk jawatan itu tanpa mencapai kata sepakat bagi jawatan Perdana Menteri.

Justeru, amalan politik ali baba pembangkang itu menjadikan Kit Siang memiliki kuasa sepenuhnya untuk melantik Perdana

Menteri yang berkemungkinan individu itu adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail atau Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Pelik kerana mereka hanya bersetuju untuk memilih TPM (Timbalan Perdana Menteri), menjadi individu paling berkuasa kerana dia yang akan menentukan siapa bakal Perdana Menteri (PM). Yang pakatan harapan bersetuju cuma siapa yang jadi TPM, yang jadi PM belum setuju lagi.

“Siapa akan jadi PM? Wan Azizah, Anwar, Muhyiddin? Yang peliknya TPM akan lantik PM, ini ali baba, pembangkang ini adalah ali baba.

“Ini juga membuktikan pakatan harapan sebagai gabungan yang gagal berbanding Barisan Nasional (BN) yang sentiasa mencapai kesepakatan di antara 13 ahli komponennya,” katanya ketika berucap dalam majlis Pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Sabah jajaran Jalan Sindumin-Melalia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sindumin di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Menteri

**Siapa akan jadi PM?  
Wan Azizah, Anwar,  
Muhyiddin? Yang peliknya  
TPM akan lantik PM,  
ini ali baba, pembangkang  
ini adalah ali baba.”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan; Ahli Parlimen Sipitang, Datuk Sapawi Ahmad dan para pemimpin komponen BN peringkat negeri dan Pusat.

Sebelum ini bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mendakwa wujud pakatan sulit antara Dr. Mahathir dan Kit Siang berhubung siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi PRU-14.

Tunku Abdul Aziz dilapor-

kan berkata, tanpa pengetahuan parti-parti sekutu lain terutama PKR, kedua-dua pemimpin itu membuat perjanjian rahsia untuk melantik Kit Siang sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu Najib berkata, dalam percakapan harian di Sabah, sikap pemimpin pakatan harapan boleh disamakan sebagai ‘pembuyuk’ yang bermaksud kaki temberang kerana menjanjikan segala-galanya kepada rakyat walaupun tidak ditunaikan.

Tegasnya, kerajaan tidak akan sesekali menjanjikan bulan dan bintang kepada rakyat, sebaliknya perkara-perkara yang dijanjikan adalah yang rasional dan akan ditepati.

“Pakatan harapan boleh janji tetapi semuanya janji kosong. Pakatan harapan membuyuk, buyuk itu lebih sedap bunyinya, kalau di Semenanjung temberang, cakap boleh, janji boleh tapi hanya di bibir.

“Di Sabah orangnya baik-baik yang membuyuk cuma seorang dua sahaja, mereka mengengang budi, mereka sokong kerajaan,” katanya.